

09/06/2002

Kesilapan sesaat, sesal berterusan

Jamhariah Jaafar

MEMANG pantang dan tidak manis untuk menggelar seseorang itu pondan, tetapi ia kini menjadi trend remaja yang semakin menyakitkan mata memandang. Entah apa yang menariknya apabila mereka bersikap lembut atau berpura-pura lembut, serasa hendak menggoncang-goncangkan badan mereka supaya menjadi keras seperti lelaki.

Namun, memang sedap mulut untuk mengkritik mereka, tetapi tidak ada siapa yang cuba memahami mengapa mereka menjadi begitu. Rencana ini bukan mengenai golongan manusia ini atau mengapa mereka menjadi begitu, tetapi ia adalah kesan yang akan dan bakal berlaku sekiranya gejala `sikap' yang dipengaruhi kehidupan sosial remaja jika ia tidak ditangani dengan serius.

Kehadiran sejenak di Balai Seni Lukis Negara di upacara perasmian Pameran Foto `Positive Lives, Positive Response to HIV' minggu lalu, amat menginsafkan kerana penyakit yang kini amat ditakuti penduduk dunia semakin meningkat dan di Malaysia saja sehingga akhir tahun lalu mencatat lebih 45,000 kes dan itu hanya membabitkan kes yang dilaporkan.

Pertemuan dengan pesakit Aids, Roslan Hamzah, 44, begitu menginsafkan. Rakan-rakan mengusik apabila penulis bersalam dengan Roslan, namun ia bukan sesuatu yang lucu apabila anda berhadapan dengan seorang yang tahu usianya kini hanya menunggu waktu. Kagumnya, Roslan ketika ditemui tidak menyuarakan ketakutan menunggu hari matinya, sebaliknya, dia lebih bimbang sekiranya dia terus hidup untuk melihat lebih ramai remaja dan mereka yang terbabit dalam hubungan homoseksual ini akan dijangkiti virus HIV/Aids.

Cerita Roslan yang dipaparkan pada pameran yang berlangsung hingga 8 Jun, wajar dijadikan pedoman oleh seluruh masyarakat negara ini, bahawa penyakit Aids boleh menyerang sesiapa saja, baik mereka yang dikategorikan liar oleh masyarakat, kepada mereka yang dikatakan baik atau mempunyai latar belakang ilmu serta agama yang mencukupi. Bak kata Roslan, kesilapan beberapa saat boleh memusnah hidup anda selama-lamanya.

Roslan dibesarkan dalam keluarga yang kacau bilau. Dipelihara oleh ibu tiri, beliau membesar dalam suasana penuh kepayahan. Namun begitu, beliau yang pernah menjadi pelari mewakili sekolahnya di Melaka, terperanjat apabila ditegur seorang guru yang menggelarkan dia pondan.

Memang ditakdirkan, walaupun dilahirkan sebagai lelaki tetapi naluri kewanitaannya cukup kuat menyaksikan dia terjebak dalam pelbagai gejala tidak diinginkan terutama aspek hubungan seks. Dia yang pernah bekerja sebagai pelayan seks, menghentikan aktiviti tidak sihat itu selepas mendapati dirinya mempunyai virus HIV sejak 11 tahun lalu. Dia pernah berputus harap, namun sejak bertemu dengan Pengerusi Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir, kehidupannya amat jauh berbeza sekarang.

Walaupun virus dalam tubuhnya sudah menjadi Aids sepenuhnya, tetapi Roslan tidak hanya menunggu saat kematiannya. Dia kini mengambil ubat untuk mengurangkan virus HIV dengan serius, di samping menjadi antara orang paling aktif untuk menyedarkan masyarakat negara ini terutama remaja yang mengamalkan corak kehidupan tidak sihat supaya kembali ke pangkal jalan.

Roslan juga bimbang dengan peningkatan jumlah remaja dan lelaki yang mengamalkan corak seks rambang atau homoseksual, terutama di bandar-bandar disebabkan terpengaruh rakan.

"Secara jujur saya katakan, untuk mencorak kehidupan adalah hak mereka. Tugas kita berusaha untuk menasihati mereka. Saya berharap mereka akan

menjadikan pelbagai kes yang berlaku termasuk kes saya, sebagai panduan.

"Saya sering menangis apabila bercakap dengan anak muda kita. Saya jelaskan mengenai ketakutan saya dan apa yang bakal berlaku. Saya tidak mahu hidup untuk melihat kehidupan remaja kita musnah, hanya kerana keseronokan masa muda. Cukuplah ia berlaku pada saya," katanya.

Justeru, apa yang diperbetulkan ialah persepsi dan sikap prejudis masyarakat terhadap mereka yang menghidap HIV/Aids ini kerana ia boleh berlaku kepada sesiapa juga.

Mengikut UNAIDS, lebih 30 juta manusia hari ini dijangkiti Aids dan sekiranya tanpa sebarang program penghalang penyebaran virus ini, purata tiga daripada setiap 200 rakyat Malaysia dijangka boleh dijangkiti virus HIV. Antara punca yang boleh menyebabkan seseorang itu menghidap penyakit yang masih belum ditemui penawar ini ialah:

- a) Masalah penyalahgunaan dadah yang kronik di negara ini;
- b) Kurangnya program pendidikan mengenai penyakit ini, berikutan sikap sosial dan budaya kita yang menyempitkan pemikiran;
- c) Peningkatan status, taraf hidup dan pergerakan yang mencipta lebih banyak peluang untuk golongan muda mengamalkan seks tidak sihat dan tidak selamat; dan
- d) Kekeliruan mengenai HIV/Aids yang dianggap hanya membabitkan kumpulan penanggung risiko tinggi tertentu membuatkan orang ramai terus mengamalkan sikap tidak selamat dan menafikan keperluan untuk melakukan ujian darah.

Justeru, statistik yang perlu kita tahu mengenai penyebaran virus HIV ini ialah:

- \* HIV sudah dialami hampir 58 juta manusia sejak wabak itu bermula;
- \* Lebih 25 juta dialami wanita yang boleh mengandung dan 5.7 juta kanak-kanak di bawah usia 15 tahun;
- \* Sehingga akhir 2000, seramai 36.1 juta lelaki, wanita dan kanak-kanak tinggal bersama mereka yang menghidap HIV/Aids;
- \* Pada 2000 juga, 5.3 juta dewasa dan kanak-kanak adalah penghidap baru HIV, iaitu purata 10 orang akan diserang virus HIV setiap minit;
- \* Hampir 22 juta manusia di seluruh dunia direkod meninggal dunia kerana Aids;
- \* Empat, tiga juta kanak-kanak di bawah 15 tahun di seluruh dunia, sudah meninggal dunia kerana Aids.

Justeru, Roslan, yang kini berusaha menjalani kehidupan biasa bersama dua cucu angkatnya, Mohd Faiz, 3, dan Nursyakirin Bestari, dua setengah tahun, amat berharap ibu bapa terutamanya dan masyarakat keseluruhan akan lebih bersimpati dengan mereka yang menghidap Aids dan bukannya menghina dan meminggirkan mereka.

"Saya pernah bertemu ibu bapa yang kuat beragama, bapanya lulusan agama dari Pakistan dan ibunya bertudung labuh, amat tidak percaya apabila anak mereka yang diberi cukup ilmu agama boleh mengalami penyakit ini. Seperti saya katakan, kesilapan beberapa saat boleh memusnahkan kehidupan kita seluruhnya," katanya.

(END)